

10/11/1997

Tasik Bukit Merah pemangkin kemajuan

TAIPING, Ahad - Bandar Tasik Bukit Merah, di sini yang dibangunkan dengan kos lebih RM2 bilion berpotensi menjadi koridor serta pemangkin dalam bidang pelancongan dan pembangunan di sekitar wilayah utara membabitkan Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata bandar itu bukan sahaja boleh menjadi pusat pelancongan terkenal di sekitar wilayah utara dan Thailand, ia juga boleh diketengahkan sebagai pusat kebudayaan tempatan.

Menurutnya, Bandar Tasik Bukit Merah dilengkapi pelbagai kemudahan pelancongan termasuk kawasan perumahan, hotel, taman tema air dan taman rekreasi air.

"Selain itu, bandar berkenaan boleh menjadi tempat menjual hasil kraftangan tempatan dan seramik," katanya di sini, hari ini.

Beliau meninjau persiapan menyambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka akan merasmikan bandar berintegrasi itu, Khamis ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan, Perpaduan, Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Manusia, Datuk Mazidah Zakaria dan Ahli Parlimen Bagan Serai Datuk Qamaruzzaman Ismail.

Ramli berkata, pihaknya percaya Bandar Tasik Merah juga mampu menarik perhatian pelancong dari luar negara terutama di sekitar Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Beliau berkata, 300,000 pelancong tempatan dan luar negara mengunjungi bandar berkenaan sejak dibuka Januari lalu.

Katanya, kerajaan negeri akan berbincang dengan usahawan dalam dan luar negara mengenai peluang pelaburan di kawasan terbabit.

"Kita akan adakan pertemuan dan perbincangan itu dengan seberapa segera," katanya.

Mengenai pembangunan Kuala Gula, di sini, Ramli berkata kerajaan negeri sedia menimbangkan cadangan untuk membangunkannya

(END)